



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	5/7/2019	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	KATS		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Malaysia sah haramkan eksport pasir laut

**KUALA LUMPUR** – Pasir laut di Malaysia hanya untuk kegunaan dalam negara dan bukan untuk dieksport ke luar negara termasuk ke Singapura.

Menteri Air, Tanah dan Sumber, Dr A Xavier Jayakumar berkata, hanya pasir sungai yang boleh dieksport ke negara lain tapi ia perlu mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih negara Mei tahun

lalu, kita putuskan pasir laut tidak dieksport ke mana-mana negara.

“Bukan hanya ke Singapura tapi negara-negara lain juga, sebaliknya ia hanya untuk kegunaan tempatan,” katanya kepada media di lobi Parlimen semalam.

Jelas Xavier, antara sebab utama aktiviti mengorek pasir tidak dieksport adalah perolehan pendapatannya sangat kecil dan hasilnya perlu diserahkan kepada kerajaan negeri.

Menurutnya, pendapatan ke-

rajaan Persekutuan hanya melalui cukai ke atas syarikat melalui laporan tahunan syarikat yang menjalankan aktiviti perlombongan.

“Di samping itu, hasil kajian mendapati aktiviti mengorek pasir hanya boleh dilakukan dalam jarak tiga kilometer di luar pesisir pantai supaya ia selamat kepada alam sekitar,” katanya.

Xavier menjelaskan, Malaysia bertindak mengharamkan eksport pasir laut bagi tujuan memelihara alam sekitar.